



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
BLOK K, ARAS 2  
PUSAT BANDAR DAMANSARA  
PETI SURAT 12579  
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033  
Fax : 03-2095 6523  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : prot@kpkt.gov.my

---

( ) KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 28

09 Januari 2010

## SIARAN MEDIA

### **PROJEK HOUSE BUILD KPKT BANTU PENDUDUK MISKIN BANDAR SABAH**

Kota Kinabalu 09 Januari 2010 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berjaya membantu dan membaik pilih rumah (House Bulid) dalam projek printis di negeri Sabah sempena sempena Hari Habitat Sedunia yang disambut setiap tahun kata Dato' Seri Kong Cho Ha, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

*Projek "House Build"* yang dilaksanakan ini membabitkan kerja membaik pulih penempatan keluarga di Kampung Air Kelansanan, Inanam, Kota Kinabalu Sabah yang dijalankan oleh pegawai dan kakitangan Kementerian dengan kerjasama sebuah badan bukan kerajaan iaitu Habitat For Humanity Malaysia.

Katanya, Objektif utama projek ini ialah untuk memberikan kehidupan yang selesa dan berkualiti kepada golongan miskin tegar yang tinggal di dalam rumah yang daif dalam kawasan bandar, melalui kerja membaikpulih rumah.

Pada tahun 1985, **Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah melantik KPKT sebagai *National Focal Point*** untuk menyelaraskan semua aktiviti UN-HABITAT di Malaysia. Ini termasuk menghadiri mesyuarat berkala, persidangan dan menyelaraskan sambutan Hari Habitat Sedunia setiap tahun.

Kong menambah, **United Nations Human Settlements Programme (UN-HABITAT)** adalah satu badan di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang beribu pejabat di Nairobi, Kenya, sejak tahun 1978. Badan ini bertanggungjawab **menggubal dan melaksanakan program peningkatan kualiti petempatan manusia** ke arah lebih sihat, selamat dan mampan.

Justeru katanya, pada tahun 1985, **Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri telah melantik KPKT sebagai *National Focal Point*** untuk menyelaraskan semua aktiviti UN-HABITAT di Malaysia. Ini termasuk menghadiri mesyuarat berkala, persidangan dan menyelaraskan sambutan Hari Habitat Sedunia setiap tahun.

Beliau menambah, sambutan yang diraikan setiap tahun adalah untuk ***meningkatkan kesedaran masyarakat dunia mengenai keadaan petempatan manusia semasa; hak setiap individu untuk memiliki tempat tinggal yang selesa; dan mengingatkan masyarakat dunia mengenai tanggungjawab masing-masing terhadap masa depan penempatan manusia.***

Jelasnya, "Merancang masa depan bandar kita" merupakan tema sambutan Hari Habitat pada kali ini dan ia juga menunjukkan bahawa perancangan bandar bukanlah satu aspek yang boleh diambil mudah dan perlu difikirkan dari sekarang.

Situasi ini memerlukan perancangan yang rapi dan penyelesaian segera supaya generasi akan datang, yang akan berhijrah dan tinggal di bandar, tidak menerima kesan buruk daripada kejadian-kejadian yang berlaku hari ini. Setakat ini projek seumpama ini melibatkan enam buah rumah, masing-masing dua buah di Kota Kinabalu, Sabah; Kuching, di Negeri Sarawak dan Kuala Terengganu, Terengganu.

Kementerian berharap projek ini akan dapat meringankan beban rakyat khususnya mereka yang tinggal di kawasan bandar agar sama-sama dapat merasai kehidupan yang selesa dan berkualiti sejajar dengan objektif yang digariskan dalam *United Nations Human Settlements Programme (UN-HABITAT)*, tambahannya lagi.

\*\*\*

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

*Di keluarkan oleh:*

*Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my); Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat [jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my) atau Cik Nurul Hajar / En. Mohd Safrizal di talian 03-2245 9539 / 9486 atau emelkan ke [hajar@sisa.my](mailto:hajar@sisa.my) / [mohd.safrizal@sisa.my](mailto:mohd.safrizal@sisa.my). Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA).*